



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



# TENAGA BURUH

LAPORAN  
STATISTIK

APRIL 2024

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA





KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# LAPORAN TENAGA BURUH MALAYSIA

## APRIL 2024

### Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian".

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan". DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh:

**Jabatan Perangkaan Malaysia**

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62514 Putrajaya,  
**MALAYSIA**

Tel.	: 03-8885 7000
Faks	: 03-8888 9248
Portal	: <a href="https://www.dosm.gov.my">https://www.dosm.gov.my</a>
Facebook / X / Instagram/ YouTube	: StatsMalaysia
E-mel	: <a href="mailto:info@dosm.gov.my">info@dosm.gov.my</a> ((pertanyaan umum) <a href="mailto:data@dosm.gov.my">data@dosm.gov.my</a> (pertanyaan & permintaan data)

Diterbitkan pada 10 Jun 2024

**Hakcipta terpelihara.**

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

**ISSN 2735 - 1823**

## KATA PENGANTAR

Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, bulanan membentangkan statistik berkaitan tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran yang diperolehi daripada Survei Tenaga Buruh (STB). Pelaksanaan STB adalah berdasarkan garis panduan dan syor oleh *International Labour Organization* (ILO) dengan merujuk kepada *Surveys of Economically Active Population, Employment, Unemployment and Underemployment: An ILO Manual on Concepts and Methods*.

Statistik tenaga buruh digunakan sebagai input penting untuk menganalisis pasaran buruh, menggubal dasar serta merancang, melaksana dan memantau program terutamanya berkaitan pembangunan sumber manusia. Statistik ini juga menjadi rujukan penting kepada penyelidik, ahli ekonomi, ahli akademik, pihak swasta dan individu yang terlibat dalam kajian berkaitan guna tenaga dan pasaran buruh.

Laporan Tenaga Buruh bagi April 2024 memperihalkan kedudukan penawaran tenaga buruh berdasarkan situasi semasa. Laporan ini juga menghuraikan perubahan bulan ke bulan untuk mengkaji kesan langsung daripada peristiwa terkini. Di samping itu, perubahan tahunan dari bulan yang sama pada tahun sebelumnya turut dilaporkan.

Jabatan Perangkaan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kerjasama dan sumbangan yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan ke arah penambahbaikan laporan ini pada masa hadapan amat dihargai.

**DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN**

Ketua Perangkawan Malaysia

Jun 2024

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

## ISI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
Isi Kandungan	i
Glosari	ii
Akronim	iv
Infografik	v
<hr/>	
Sorotan Utama	1
<b>1. Pengenalan</b>	<b>2</b>
<b>2. Penduduk Bekerja</b>	<b>2</b>
<b>3. Pengangguran</b>	<b>4</b>
<b>4. Tenaga Buruh</b>	<b>5</b>
<b>5. Luar Tenaga Buruh</b>	<b>6</b>
<b>6. Menuju ke Hadapan</b>	<b>7</b>

### Senarai Jadual

<b>Jadual A</b>	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, 1982 - 2022	<b>A-1</b>
<b>Jadual B</b>	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Suku Pertama 2010 - Suku Pertama 2024	<b>A-2</b>
<b>Jadual B1</b>	: Penduduk bekerja kurang dari 30 jam seminggu mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Pertama 2024	<b>A-4</b>
<b>Jadual B2</b>	: Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Pertama 2024	<b>A-5</b>
<b>Jadual B3</b>	: Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Pertama 2024	<b>A-6</b>
<b>Jadual C</b>	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Januari 2010 - April 2024	<b>A-7</b>
<b>Jadual C1</b>	: Statistik utama tenaga buruh pelarasan musim, Malaysia, Januari 2010 - April 2024	<b>A-11</b>
<b>Jadual C2</b>	: Bilangan penganggur mengikut kategori dan tempoh menganggur, Januari 2016 - April 2024	<b>A-15</b>
<b>Jadual C3</b>	: Pengangguran dan kadar pengangguran belia mengikut kumpulan umur terpilih, Januari 2016 - April 2024	<b>A-17</b>
<b>Jadual C4</b>	: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Januari 2016 - April 2024	<b>A-19</b>
<b>Jadual D</b>	: Penduduk bekerja mengikut pekerjaan, Malaysia, 1982 - 2022	<b>A-21</b>
<b>Jadual E</b>	: Penduduk bekerja mengikut industri, Malaysia, 1982 - 2022	<b>A-22</b>
<b>Jadual F</b>	: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Malaysia, 1982 - 2022	<b>A-24</b>
<b>Jadual G</b>	: Indikator tenaga buruh bagi negara terpilih, April 2023 - April 2024	<b>A-25</b>

## GLOSARI

- Aktiviti ekonomi : Klasifikasi industri mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2018 Versi 1.0 kepada lima sektor utama iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Manakala sektor Pembuatan dan Perkhidmatan dibahagikan kepada subsektor.
- Bekerja : Semua orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga sama ada sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji.
- Bekerja sendiri : Seorang yang mengusahakan ladang, perniagaan atau perusahaan sendiri tanpa menggaji pekerja di ladang, perniagaan atau perusahaannya.
- Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran : Mereka yang mempunyai pendidikan tertiar dan bekerja dalam kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah.
- Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa : Kumpulan yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu semasa minggu rujukan disebabkan keadaan kerja atau kerja yang tidak mencukupi dan berkeupayaan serta sanggup menerima tambahan bilangan jam bekerja. Mereka yang bekerja lebih daripada 30 jam seminggu semasa minggu rujukan merupakan guna tenaga penuh.
- Kadar pengangguran : Perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh dalam bentuk peratusan.
- Kadar penyertaan tenaga buruh : Perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada penduduk dalam umur bekerja dalam bentuk peratusan.
- Kategori kemahiran : Untuk tujuan pelaporan, kategori pekerjaan dikelaskan kepada tiga tahap kemahiran mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2013 seperti berikut:

### **Pekerja mahir:**

1. Pengurus;
2. Profesional; dan
3. Juruteknik dan professional bersekutu.

### **Pekerja separuh mahir:**

4. Pekerja sokongan pengkeranian;
5. Pekerja perkhidmatan dan penjualan;
6. Pekerja mahir pertanian, perhutanan dan perikanan;
7. Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; dan
8. Operator loji dan mesin serta pemasangan.

### **Pekerja berkemahiran rendah:**

9. Pekerjaan asas.

## GLOSARI

Bermula Januari 2022, kategori pekerjaan adalah mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2020 dengan tambahan kumpulan 0 - Angkatan tentera.

- Luar tenaga buruh : Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur dikategorikan sebagai luar tenaga buruh. Kategori ini terdiri daripada suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), mereka yang telah bersara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.
- Majikan : Seorang yang menjalankan sesuatu perniagaan, perusahaan ladang atau perniagaan lain dan menggaji seorang pekerja atau lebih untuk menolongnya.
- Nisbah guna tenaga kepada penduduk : Perkadaran penduduk yang bekerja kepada jumlah penduduk dalam kumpulan umur bekerja.
- Pekerja : Seorang yang bekerja untuk majikan sektor awam atau swasta dan menerima ganjaran tetap seperti upah, gaji, komisen, tip atau ganjaran berbentuk mata benda.
- Pekerja keluarga tanpa gaji : Seorang yang bekerja tanpa menerima sebarang bayaran atau upah di ladang, perniagaan atau perusahaan yang dijalankan oleh ahli keluarganya yang lain.
- Penganggur : Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan dan dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.
- Penganggur aktif : Mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan dalam minggu rujukan.
- Penganggur tidak aktif : Tidak mencari pekerjaan dalam minggu rujukan kerana percaya tidak terdapat pekerjaan atau pun tidak berkelayakan; mungkin mencari pekerjaan jika tidak kerana sakit atau keadaan cuaca; dan telah mencari pekerjaan sebelum minggu rujukan dan sedang menunggu jawapan permohonan pekerjaan.
- Tenaga buruh : Tenaga buruh merujuk kepada penduduk dalam kumpulan umur bekerja (15 - 64 tahun) sama ada bekerja atau menganggur.

## AKRONIM

F&B	:	Makanan dan minuman
ILO	:	<i>International Labour Organization</i>
IP	:	Indeks Pelopor
KDNK	:	Keluaran Dalam Negeri Kasar
KPTB	:	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh
MASCO	:	Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia
MITI	:	Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
MSIC	:	Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia
PMKS	:	Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana
STB	:	Survei Tenaga Buruh



# TENAGA BURUH MALAYSIA, APRIL 2024

Kadar pengangguran April kekal pada 3.3 peratus, dengan bilangan penganggur terus berkurang kepada 566.4 ribu orang

## PENGANGGUR

BILANGAN PENGANGGUR DAN KADAR PENGANGGURAN, MALAYSIA, APR 2023 - APR 2024



**3.3%**

Kadar pengangguran April kekal 3.3 peratus, seperti yang direkodkan bulan lalu

▼ 0.2mp    ↔ 0.0mp

### Pengangguran mengikut kategori

Penganggur aktif    Penganggur tidak aktif

**79.7%**    **20.3%**

APR 2024


▼ 4.3%    451.4 ribu    115.0 ribu    ▼ 0.1%  
▼ 0.03%    ▼ 0.05%

MAC 2024

451.5 ribu    115.0 ribu


## PENDUDUK BEKERJA

BILANGAN PENDUDUK BEKERJA DAN NISBAH GUNA TENAGA KEPADA PENDUDUK, MALAYSIA, APR 2023 - APR 2024




### Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan

Daripada jumlah penduduk bekerja pada bulan April 2024, 75.1 peratus berada dalam kategori pekerjaan



## TENAGA BURUH

BILANGAN TENAGA BURUH DAN KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH (KPTB), MALAYSIA, APR 2023 - APR 2024



**70.3%**

Kadar penyertaan tenaga buruh kekal pada 70.3 peratus seperti pada bulan sebelumnya

▲ 0.3mp    ▲ 0.1%

### KPTB mengikut jantina



## LUAR TENAGA BURUH



MAC 2024



APR 2024

▲ 0.1%    ▲ 0.01%

Sebab utama penduduk di luar tenaga buruh adalah disebabkan oleh kerja rumah/ tanggungjawab keluarga



Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga

42.7%



Bersekolah/ latihan

41.4%

- Peratus perubahan (tahun ke tahun)
- Peratus perubahan (bulan ke bulan)
- Mata peratus
- Tidak berubah

Sumber: Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

## KONSEP DAN DEFINISI



### Apa itu Survei Tenaga Buruh (STB)?

Survei Tenaga Buruh (STB) dilaksanakan untuk mengumpul maklumat berkaitan struktur dan taburan tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran dari aspek penawaran tenaga buruh.

STB meliputi kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar bagi semua daerah pentadbiran di semua negeri di Malaysia menggunakan pendekatan *multi-modal data collection* melalui temu ramah bersemuka dan *Computer-Assisted Telephone Interview (CATI)*.

STB dilaksanakan berdasarkan garis panduan dan syor oleh *International Labour Organization (ILO)*.

Populasi penyiasatan merangkumi penduduk yang tinggal di tempat kediaman persendirian dan tidak termasuk mereka yang tinggal di institusi-institusi seperti hotel, hospital, asrama, penjara dan pekerja yang tinggal di rumah kongsi.

Umur bekerja bagi analisis STB di Malaysia merujuk kepada ahli isi rumah yang berumur 15 hingga 64 tahun semasa minggu rujukan, sama ada berada di dalam tenaga buruh atau di luar tenaga buruh.

#### TENAGA BURUH

- Penduduk dalam kumpulan umur bekerja 15 hingga 64 tahun (dalam tahun genap pada hari lahir terakhir).
- Sama ada bekerja atau menganggur semasa minggu rujukan.

#### BEKERJA

- Orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji).
- Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab-sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja.
- Mereka yang tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula.

#### PENGANGGUR

- Mereka yang tidak mempunyai pekerjaan tetapi berminat untuk bekerja dan sedang mencari kerja.
- Dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.

#### LUAR TENAGA BURUH

- Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur.
- Contoh: suri rumah, pelajar, mereka yang telah bersara atau tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.

#### KADAR PENGANGGURAN

- Perkadaran penduduk yang menganggur (tidak bekerja) kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh.
- Peratus penduduk di dalam tenaga buruh yang tidak bekerja.

#### KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH

- Aktiviti ekonomi penduduk pada keseluruhannya bergantung kepada ciri-ciri demografi sesuatu populasi.
- Pecahan mereka yang aktif secara ekonomi berbeza di antara kumpulan-kumpulan kecil penduduk tersebut.
- Perbezaan ini diukur dengan kadar aktiviti tertentu yang dikenali sebagai kadar penyertaan tenaga buruh.
- Kadar penyertaan tenaga buruh ditakrifkan sebagai perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada jumlah penduduk dalam umur bekerja (15 hingga 64 tahun) yang dipersembahkan dalam bentuk peratus.

#### PELARASAN MUSIM

- Data siri masa adalah amat berguna untuk ahli ekonomi, pembuat dasar & keputusan serta penganalisis siri masa untuk mengenal pasti ciri-ciri penting siri ekonomi seperti arah aliran, *turning point* dan konsistensi antara penunjuk ekonomi yang lain. Kadangkala ciri ini sukar untuk diperhatikan kerana pergerakan bermusim. Oleh itu, sekiranya kesan bermusim boleh disingkirkan, arah aliran data siri ini dapat dilihat dengan lebih baik. Anggaran dan penyingkiran kesan bermusim dipanggil pelarasan bermusim.
- Pelarasan bermusim adalah satu proses untuk mengenal pasti dan menyingkirkan bentuk pola bermusim yang biasa berlaku dalam tempoh satu tahun, yang mungkin juga merangkumi pengaruh dari kesan cuti yang bergerak dan hari bekerja/berdagang bagi suatu tempoh. Objektif utama proses ini adalah untuk menyerlahkan arah aliran dan pergerakan-pergerakan jangka pendek dalam siri ini.
- Di Malaysia, kebanyakan data siri masa dipengaruhi oleh kesan bermusim. Oleh itu, untuk menghapus dan melaraskan kesan bermusim data siri masa ekonomi Malaysia, pakej standard pelarasan bermusim, X-12 ARIMA telah digunakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

## SOROTAN UTAMA

- Pada April 2024, bilangan **penduduk bekerja** terus merekodkan peningkatan, dengan pertumbuhan bulan ke bulan sebanyak **0.1 peratus (+23.5 ribu orang)** kepada **16.56 juta orang** berbanding bulan sebelumnya (Mac 2024: 16.53 juta orang). **Nisbah guna tenaga kepada penduduk**, yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan, naik sebanyak **0.1 mata peratus** kepada **68.0 peratus** pada April 2024 (Mac 2024: 67.9%).
- Bagi guna tenaga mengikut sektor ekonomi, sektor Perkhidmatan terus mencatatkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja, terutamanya dalam aktiviti Maklumat & komunikasi; Perkhidmatan makanan & minuman; dan Pengangkutan & penyimpanan. Trend yang sama dalam bilangan penduduk bekerja juga dilihat dalam sektor Pembuatan, Pembinaan, Perlombongan & pengkuarian serta sektor Pertanian pada bulan tersebut.
- Bilangan penduduk berkerja dalam kategori **pekerja** merangkumi **75.1 peratus** daripada jumlah penduduk bekerja pada bulan April 2024. Kumpulan ini meningkat sebanyak **0.1 peratus (+12.3 ribu orang)** kepada **12.43 juta orang** (Mac 2024: 12.42 juta orang). Pada masa yang sama, kategori **penduduk bekerja sendiri** terus berada pada trend menaik, dengan pertumbuhan sebanyak **0.3 peratus (+9.1 ribu orang)** kepada **3.04 juta orang** (Mac 2024: 3.03 juta orang).
- Pada April 2024, bilangan **penganggur** mencatatkan sedikit penurunan iaitu sebanyak **0.04 peratus (-0.2 ribu orang)** kepada **566.4 ribu orang**, berbanding 566.6 ribu orang pada Mac 2024. **Kadar pengangguran** pada April kekal pada **3.3 peratus**, seperti yang direkodkan pada bulan lalu.
- Pada April 2024, bilangan **tenaga buruh** naik sebanyak **0.1 peratus (+23.4 ribu orang)**, mencatatkan **17.12 juta orang** (Mac 2024: 17.10 juta orang). **Kadar penyertaan tenaga buruh** pada bulan tersebut kekal pada **70.3 peratus** seperti pada bulan sebelumnya.
- Bilangan penduduk di **luar tenaga buruh** pada April 2024 mencatatkan sedikit peningkatan iaitu sebanyak **0.01 peratus (+0.6 ribu orang)** kepada **7.23 juta orang** (Mac 2024: 7.23 juta orang). Sebab utama penduduk berada di luar tenaga buruh adalah disebabkan oleh **kerja rumah/tanggungjawab keluarga** dengan peratus sumbangan sebanyak **42.7 peratus**, diikuti oleh **bersekolah/ latihan** pada **41.4 peratus**.
- Pertumbuhan positif ekonomi Malaysia dijangka akan berterusan pada suku seterusnya, disokong oleh corak perbelanjaan domestik yang berdaya tahan dan peningkatan dalam aktiviti pelancongan, serta kedudukan pasaran buruh yang positif dan pertumbuhan pendapatan. Selain itu, permintaan dari luar negara juga dijangka akan pulih apabila Malaysia mendapat manfaat daripada peningkatan dalam pengeluaran global dan perdagangan antarabangsa. Pelaburan sektor awam yang lebih kukuh sejajar dengan kemajuan dalam sektor pembinaan, terutama pembangunan infrastruktur berterusan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12, akan membawa kepada pertambahan lebih banyak pekerjaan. Situasi ini akan menggalakkan lebih ramai orang masuk ke pasaran pekerjaan, sekali gus akan merancakkan lagi kedudukan pasaran buruh Malaysia. Oleh itu, situasi tenaga buruh negara yang lebih optimis dijangka pada bulan-bulan yang akan datang, selari dengan prestasi ekonomi Malaysia yang memberangsangkan.

## 1 KEDUDUKAN TENAGA BURUH YANG RANCAK DILIHAT PADA APRIL 2024, MENCERMINKAN SITUASI EKONOMI NEGARA YANG MENGGALAKKAN

Pemulihan ekonomi global menggalakkan pertumbuhan perdagangan Malaysia, yang membawa kepada ekonomi Malaysia yang lebih baik begitu juga dengan pasaran buruh pada April 2024. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) menyatakan bahawa, perdagangan Malaysia meneruskan trajektori menaik pada April 2024, merekodkan pertumbuhan sebanyak 12.1 peratus kepada RM221.74 bilion berbanding April 2023<sup>1</sup>. Selain itu, pertumbuhan tersebut terutamanya disumbangkan oleh eksport mesin, peralatan dan alat ganti; bahan kimia dan produk kimia; petroleum mentah; minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit; dan produk besi dan keluli yang lebih tinggi. Oleh itu, banyak syarikat dan firma besar, khususnya dalam sektor Pembuatan mengambil peluang ini untuk menambah baik pengeluaran mereka bagi memenuhi permintaan eksport. Justeru, pewujudan pelbagai peluang pekerjaan untuk melengkapi permintaan buruh telah menyokong ekonomi negara ke arah yang lebih baik dan seterusnya meningkatkan penawaran buruh bagi memenuhi keperluan, dan sekali gus menggalakkan lebih banyak kemasukan ke dalam pasaran buruh negara.

Di samping itu, pada awal April 2024, rakyat Malaysia menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri. Sambutan ini sebahagiannya dilihat dapat mengekalkan ekonomi negara dan seterusnya menyokong peningkatan pasaran buruh berikutan permintaan yang lebih tinggi dalam pelbagai jenis perniagaan Makanan dan minuman (F&B), terutamanya dalam penghasilan bakeri, pastri, biskut dan makanan tradisional Melayu yang lain. Ramai usahawan baharu dan sedia ada mengambil peluang untuk menjadi lebih kreatif dengan mencipta pelbagai inovasi dan makanan berkualiti yang mampu menarik minat pembeli, dan seterusnya melancarkan perniagaan dalam talian, atau membuka gerai di Bazar Aidilfitri. Oleh itu, banyak perniagaan telah dapat memulakan aktiviti mereka terutamanya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), yang membawa kepada kedudukan ekonomi yang lebih baik. Justeru, kedudukan tenaga buruh yang rancak dilihat pada April 2024, dengan bilangan penduduk bekerja yang lebih tinggi manakala penganggur terus berkurang, mencerminkan situasi ekonomi negara yang menggalakkan seperti yang digambarkan oleh Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang lebih tinggi iaitu 4.2 peratus bagi suku pertama 2024 (ST4 2023: 2.9%).

Sementara itu, Indeks Pelapor (IP) Malaysia kekal dalam pertumbuhan positif selama empat bulan berturut-turut, merekodkan peningkatan 2.3 peratus kepada 112.2 mata pada Mac 2024 (Mac 2023: 109.7 mata). Walau bagaimanapun, IP bulanan jatuh sebanyak 0.5 peratus pada Mac 2024 berbanding bulan sebelumnya. Kadar pertumbuhan IP terlicin bagi Mac 2024 secara konsisten berada di atas trend, melepasi 100 mata, mencerminkan ekonomi Malaysia yang optimis sejajar dengan prestasi penggunaan swasta dan pemulihan perdagangan luar. Sementara itu, indikator perdagangan luar negeri bulanan bagi April 2024 bagi eksport dan import, kedua-duanya mencatatkan penurunan, masing-masing sebanyak -10.7 peratus (Mac 2024: +15.5%) dan -7.6 peratus (Mac 2024: +15.7%).

## 2 Bilangan penduduk bekerja terus merekodkan peningkatan pada April 2024

Pada April 2024, bilangan penduduk bekerja terus merekodkan peningkatan, dengan pertumbuhan bulan ke bulan sebanyak **0.1 peratus (+23.5 ribu orang)** kepada **16.56 juta orang** berbanding bulan sebelumnya (Mac 2024: 16.53 juta orang). Berdasarkan anggaran pelarasan bermusim, terdapat peningkatan sebanyak 0.1 peratus dalam bilangan penduduk bekerja. Tahun ke tahun, bilangan


<sup>1</sup> <https://malaysiagazette.com/2024/05/20/perdagangan-malaysia-kekal-prestasi>  
kukuh#:~:text=KUALA%20LUMPUR%20%E2%80%93%20Perdagangan%20Malaysia%20mengekalang,yang%20keempat%20bulan%20berturut%2Dturut

penduduk bekerja terus bertambah sebanyak 1.9 peratus (+304.3 ribu orang) berbanding 16.25 juta orang pada April 2023.

Bagi guna tenaga mengikut sektor ekonomi, sektor Perkhidmatan terus mencatatkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja, terutamanya dalam aktiviti Maklumat & komunikasi; Perkhidmatan makanan & minuman; dan Pengangkutan & penyimpanan. Trend yang sama dalam bilangan penduduk bekerja juga dilihat dalam sektor Pembuatan, Pembinaan, Perlombongan & pengkuarian serta sektor Pertanian pada bulan tersebut.


**Nisbah guna tenaga kepada penduduk**, yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan, naik sebanyak **0.1 mata peratus** kepada **68.0 peratus** pada April 2024 (Mac 2024: 67.9%). Berbanding satu tahun sebelumnya, nisbah ini meningkat sebanyak 0.5 mata peratus daripada 67.5 peratus pada April 2023 [**Carta 1**].

**Carta 1:** Penduduk bekerja dan nisbah guna tenaga kepada penduduk, Januari 2019 - April 2024



Bilangan penduduk berkerja dalam kategori **pekerja** merangkumi **75.1 peratus** daripada jumlah penduduk bekerja pada April 2024. Kumpulan ini meningkat sebanyak **0.1 peratus (+12.3 ribu orang)** kepada **12.43 juta orang** (Mac 2024: 12.42 juta orang). Pada masa yang sama, kategori **penduduk bekerja sendiri** terus berada pada trend menaik, dengan pertumbuhan sebanyak **0.3 peratus (+9.1 ribu orang)** kepada **3.04 juta orang** (Mac 2024: 3.03 juta orang). Kategori ini terutamanya terdiri daripada mereka yang berpendapatan harian yang bekerja dalam operasi perniagaan kecil, seperti peruncit, penjaja dan penjual di pasar, serta pekebun kecil [**Carta 2**].

**Carta 2:** Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Mac 2024 dan April 2024




Pada bulan tersebut, bilangan **penduduk bekerja yang tidak bekerja buat sementara waktu** turun sebanyak **2.5 peratus (-2.1 ribu orang)** kepada **82.4 ribu orang** (Mac 2024: 84.6 ribu orang). Tahun ke tahun, kategori ini mencatatkan penurunan sebanyak 4.7 peratus (-4.1 ribu orang) daripada 86.5 ribu orang yang direkodkan pada April 2023. Kumpulan ini, yang berkemungkinan besar tidak dapat bekerja buat sementara waktu, tidak diklasifikasikan sebagai penganggur kerana mereka mempunyai pekerjaan dan akan kembali bekerja.

### 3 Kadar pengangguran April kekal pada 3.3 peratus

Pada April 2024, bilangan **penganggur** mencatatkan sedikit penurunan iaitu sebanyak **0.04 peratus (-0.2 ribu orang)** kepada **566.4 ribu orang** daripada 566.6 ribu orang pada Mac 2024. **Kadar pengangguran** pada April kekal pada **3.3 peratus**, seperti yang direkodkan bulan lalu. Bagi anggaran pelarasan bermusim, bilangan penganggur naik sebanyak 0.1 peratus, merekodkan kadar pengangguran 3.3 peratus.

Secara tahunan, bilangan penganggur turun sebanyak 3.5 peratus (-20.5 ribu orang) berbanding April 2023 (586.9 ribu orang). Oleh itu, kadar pengangguran turun sebanyak 0.2 mata peratus daripada 3.5 peratus pada April 2023 [**Carta 3**].


**Carta 3: Penganggur dan kadar pengangguran, 1982 - 2022 dan Januari 2021 - April 2024**



Dari segi kategori pengangguran, **penganggur aktif** atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan, meliputi **79.7 peratus** daripada jumlah penganggur pada April 2024. Kumpulan ini merekodkan penurunan sebanyak **0.03 peratus (-0.2 ribu orang)** kepada **451.4 ribu orang** (Mac 2024: 451.5 ribu orang). Daripada jumlah penganggur aktif, mereka yang **menganggur kurang daripada tiga bulan** merangkumi **61.7 peratus**, manakala mereka yang berada dalam **pengangguran jangka panjang melebihi setahun<sup>2</sup>** adalah sebanyak **6.7 peratus**. Begitu juga, mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia, atau **penganggur tidak aktif** mencatatkan penurunan bulan ke bulan sebanyak **0.05 peratus (-0.1 ribu orang)** kepada **115.0 ribu orang** (Mac 2024: 115.0 ribu orang) [**Carta 4**].


<sup>2</sup> Merujuk kepada orang yang menganggur selama setahun atau lebih (Sumber: *KILM: Long-term unemployment*)  
[https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---dqreports/---stat/documents/publication/wcms\\_422451.pdf](https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---dqreports/---stat/documents/publication/wcms_422451.pdf)

**Carta 4:** Kategori penganggur dan tempoh menganggur, Mac 2024 dan April 2024



Kadar pengangguran bagi belia berumur **15 hingga 24 tahun** pada April 2024 tidak berubah iaitu pada **10.6 peratus**, dengan seramai **305.9 ribu penganggur belia** (Mac 2024: 10.6%; 306.3 ribu orang). Pada masa yang sama, kadar pengangguran bagi belia berumur **15 hingga 30 tahun** adalah **6.5 peratus**, mencatatkan **434.9 ribu penganggur belia** (Mac 2024: 6.6%; 434.5 ribu orang) [Carta 5].

**Carta 5:** Kadar pengangguran mengikut kumpulan umur terpilih, 1982 - 2022 dan Januari 2021 - April 2024




**4**

**KPTB pada April 2024 kekal 70.3 peratus**

Pada April 2024, bilangan **tenaga buruh** naik sebanyak **0.1 peratus (+23.4 ribu orang)**, mencatatkan **17.12 juta orang** (Mac 2024: 17.10 juta orang). **Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB)** pada bulan tersebut kekal pada **70.3 peratus** seperti pada bulan sebelumnya. Dari segi anggaran pelarasan bermusim, bilangan tenaga buruh meningkat sebanyak 0.1 peratus, dengan KPTB 70.2 peratus.

Secara tahunan, bilangan tenaga buruh bertambah sebanyak 1.7 peratus (+283.7 ribu orang) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya (April 2023: 16.84 juta orang). Oleh itu, KPTB naik sebanyak 0.3 mata peratus berbanding April 2023 (70.0%) [Carta 6].


**Carta 6: Tenaga buruh dan KPTB, 1982 - 2022 dan Januari 2021 - April 2024**



Perbandingan mengikut jantina, kedua-dua **lelaki** dan **perempuan** masing-masing mencatatkan peningkatan dalam bilangan tenaga buruh dengan merekodkan **10.47 juta orang** (Mac 2024: 10.45 juta orang) dan **6.66 juta orang** (Mac 2024: 6.65 juta orang). Bagi KPTB lelaki dan perempuan, kedua-duanya mencatatkan peningkatan, masing-masing sebanyak **0.1 mata peratus** kepada **83.2 peratus** dan **56.6 peratus**.

Perbandingan secara tahunan, kedua-dua tenaga buruh lelaki dan perempuan kekal pada trend positif, dengan pertambahan masing-masing sebanyak 1.7 peratus dan 1.6 peratus (April 2023: 10.29 juta orang; 6.55 juta orang). Oleh itu, KPTB lelaki meningkat sebanyak 0.3 mata peratus daripada 82.9 peratus, manakala KPTB bagi perempuan naik sebanyak 0.4 mata peratus daripada 56.2 peratus pada April 2023 [Carta 7].

**Carta 7: Tenaga buruh dan KPTB mengikut jantina, 1982 - 2022 dan Januari 2021 - April 2024**




**5**

**Sebab utama penduduk di luar tenaga buruh adalah disebabkan oleh kerja rumah/ tanggungjawab keluarga**

Bilangan penduduk di **luar tenaga buruh** pada April 2024 mencatatkan sedikit peningkatan iaitu sebanyak **0.01 peratus (+0.6 ribu orang)** kepada **7.23 juta orang** (Mac 2024: 7.23 juta orang). Tahun ke tahun, bilangan penduduk di luar tenaga buruh naik sebanyak 0.1 peratus daripada 7.23 juta orang

pada April tahun lalu. Sebab utama penduduk berada di luar tenaga buruh adalah disebabkan oleh **kerja rumah/ tanggungjawab keluarga** dengan peratus sumbangan sebanyak **42.7 peratus**, diikuti oleh **bersekolah/ latihan** pada **41.4 peratus [Carta 8]**.

**Carta 8:** Peratus sumbangan luar tenaga buruh mengikut sebab tidak mencari pekerjaan, Mac 2024 dan April 2024



## 6 MENUJU KE HADAPAN

Ekonomi Malaysia dilihat memberangsangkan dengan pertumbuhan KDNK pada suku pertama 2024 yang lebih tinggi daripada jangkaan, iaitu berkembang sebanyak 4.2 peratus berbanding 2.9 peratus pada suku tahun sebelumnya. Peningkatan ini adalah didorong oleh pemulihan prestasi eksport dan permintaan domestik yang rancak. Malaysia juga dilihat berada pada kedudukan yang baik dan dijangka akan berkembang antara 4 peratus hingga 5 peratus pada tahun 2024.

Prestasi asas ekonomi Malaysia yang menggalakkan antaranya dapat dilihat melalui pasaran buruh yang terus berada dalam momentum positif dengan kadar inflasi yang rendah, indeks pengeluaran perindustrian dan nilai kerja pembinaan yang meningkat serta jumlah dagangan Malaysia yang semakin berkembang. Peningkatan momentum ekonomi ini mencerminkan asas negara yang kukuh dan keyakinan pelabur terhadap ekonomi domestik, serta pelaksanaan pelbagai dasar kerajaan.

Justeru, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka akan meningkat pada suku tahun seterusnya, yang mana ianya akan disokong corak perbelanjaan domestik yang berdaya tahan dan peningkatan dalam aktiviti pelancongan, berdasarkan kepada pasaran buruh negara yang stabil, kadar pengangguran yang telah kembali ke paras prapandemik berikutan kadar pewujudan pekerjaan yang lebih baik, momentum eksport Malaysia yang dijangka meningkat pada separuh pertama 2024 dengan andaian pertumbuhan global lemah serta tekanan inflasi semasa yang sederhana<sup>3</sup>.

Susulan momentum pertumbuhan positif yang dijangka berterusan pada suku tahun akan datang, aktiviti perbelanjaan domestik akan terus berkembang berikutan kedudukan pasaran buruh yang positif, pertumbuhan pendapatan dan peningkatan ketibaan pelancong. Selain itu, permintaan dari luar negara juga dijangka akan pulih apabila Malaysia mendapat manfaat daripada peningkatan dalam pengeluaran global dan perdagangan antarabangsa. Pelaburan sektor awam yang lebih kukuh, sejajar dengan kemajuan dalam sektor pembinaan, terutama pembangunan infrastruktur berterusan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 akan membawa kepada pertambahan lebih banyak peluang pekerjaan.

<sup>3</sup> <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2024/05/1248925/ekonomi-malaysia-diunjur-lebih-baik-pada-suku-akan-datang>

Situasi ini akan menggalakkan lebih ramai orang untuk masuk ke dalam pasaran pekerjaan, sekali gus akan merancakkan lagi kedudukan pasaran buruh Malaysia.

Di samping itu, pelaksanaan strategi dan langkah di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, serta inisiatif-inisiatif Rancangan Malaysia Ke-12 akan kekal menarik pelaburan bernilai tinggi dalam industri bernilai tambah tinggi, sekali gus mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi yang meningkatkan kualiti hidup rakyat. Tambahan lagi, berdasarkan ramalan prestasi perniagaan pada suku kedua 2024, peniaga menjangkakan persekitaran perniagaan yang menggalakkan pada suku kedua 2024 disokong oleh petunjuk keyakinan yang positif marginal +0.7 peratus berbanding +4.2 peratus pada suku sebelumnya. Oleh itu, situasi tenaga buruh negara yang lebih optimis dijangka pada bulan-bulan yang akan datang, selari dengan prestasi ekonomi Malaysia yang memberangsangkan.

# JADUAL

TENAGA BURUH, MALAYSIA  
APRIL 2024

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

Jadual A: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, 1982 - 2022

Siri Masa	('000)					(%)	
	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	Luar Tenaga Buruh	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk	Kadar Pengangguran
1982	5,431.4	5,249.0	182.4	2,944.6	64.8	62.7	3.4
1983	5,671.8	5,457.0	214.9	2,969.4	65.6	63.2	3.8
1984	5,862.5	5,566.7	295.8	3,119.6	65.3	62.0	5.0
1985	5,990.1	5,653.4	336.8	3,124.9	65.7	62.0	5.6
1986	6,222.1	5,760.1	461.9	3,188.3	66.1	61.2	7.4
1987	6,456.8	5,983.9	472.9	3,246.1	66.5	61.7	7.3
1988	6,637.0	6,157.2	479.8	3,301.5	66.8	62.0	7.2
1989	6,779.4	6,390.9	388.5	3,463.5	66.2	62.4	5.7
1990	7,000.2	6,685.0	315.2	3,519.7	66.5	63.6	4.5
1992	7,319.0	7,047.8	271.2	3,783.6	65.9	63.5	3.7
1993	7,700.1	7,383.4	316.8	3,874.9	66.5	63.8	4.1
1995	7,893.1	7,645.0	248.1	4,297.7	64.7	62.7	3.1
1996	8,616.0	8,399.3	216.8	4,379.0	66.3	64.6	2.5
1997	8,784.0	8,569.2	214.9	4,605.1	65.6	64.0	2.4
1998	8,883.6	8,599.6	284.0	4,934.0	64.3	62.2	3.2
1999	9,151.5	8,837.8	313.7	5,098.4	64.2	62.0	3.4
2000	9,556.1	9,269.2	286.9	5,065.1	65.4	63.4	3.0
2001	9,699.4	9,357.0	342.4	5,239.9	64.9	62.6	3.5
2002	9,886.2	9,542.6	343.5	5,473.8	64.4	62.1	3.5
2003	10,239.6	9,869.7	369.8	5,458.6	65.2	62.9	3.6
2004	10,346.2	9,979.5	366.6	5,730.5	64.4	62.1	3.5
2005	10,413.4	10,045.4	368.1	6,048.2	63.3	61.0	3.5
2006	10,628.9	10,275.4	353.6	6,205.1	63.1	61.0	3.3
2007	10,889.5	10,538.1	351.4	6,330.1	63.2	61.2	3.2
2008	11,028.1	10,659.6	368.5	6,575.7	62.6	60.6	3.3
2009	11,315.3	10,897.3	418.0	6,665.7	62.9	60.6	3.7
2010	12,303.9	11,899.5	404.4	7,023.0	63.7	61.6	3.3
2011	12,740.7	12,351.5	389.2	7,023.3	64.5	62.5	3.1
2012	13,221.7	12,820.5	401.2	6,927.4	65.6	63.6	3.0
2013	13,980.5	13,545.4	435.1	6,781.2	67.3	65.2	3.1
2014	14,263.6	13,852.6	411.1	6,821.0	67.6	65.7	2.9
2015	14,518.0	14,067.7	450.3	6,869.9	67.9	65.8	3.1
2016	14,667.8	14,163.7	504.1	6,987.6	67.7	65.4	3.4
2017	14,980.1	14,476.8	503.3	7,065.0	68.0	65.7	3.4
2018	15,280.3	14,776.0	504.3	7,094.4	68.3	66.0	3.3
2019	15,581.6	15,073.4	508.2	7,103.5	68.7	66.4	3.3
2020	15,667.7	14,956.7	711.0	7,225.5	68.4	65.3	4.5
2021	15,797.2	15,064.2	733.0	7,221.4	68.6	65.4	4.6
2022	16,022.1	15,391.7	630.4	7,110.2	69.3	66.5	3.9

Jadual B: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Suku Pertama 2010 - Suku Pertama 2024

Siri Masa	('000)							(%)
	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	Luar Tenaga Buruh	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk	Kadar Pengangguran	
<b>2010</b>								
ST1	12,239.3	11,801.2	438.1	7,030.8	63.5	61.2	3.6	
ST2	12,304.9	11,900.6	404.3	7,047.5	63.6	61.5	3.3	
ST3	12,354.6	11,961.3	393.3	7,073.5	63.6	61.6	3.2	
ST4	12,522.4	12,137.4	385.0	6,992.9	64.2	62.2	3.1	
<b>2011</b>								
ST1	12,718.3	12,333.5	384.8	7,004.9	64.5	62.5	3.0	
ST2	12,756.0	12,367.4	388.6	7,048.8	64.4	62.4	3.0	
ST3	12,889.0	12,493.0	396.0	6,977.2	64.9	62.9	3.1	
ST4	12,842.5	12,447.9	394.7	7,098.6	64.4	62.4	3.1	
<b>2012</b>								
ST1	13,169.2	12,765.2	404.0	6,915.1	65.6	63.6	3.1	
ST2	13,237.0	12,837.1	400.0	6,946.1	65.6	63.6	3.0	
ST3	13,401.7	13,005.4	396.3	6,897.9	66.0	64.1	3.0	
ST4	13,376.2	12,971.2	405.0	7,062.8	65.4	63.5	3.0	
<b>2013</b>								
ST1	13,539.5	13,118.0	421.5	7,090.0	65.6	63.6	3.1	
ST2	13,945.1	13,524.1	421.0	6,819.6	67.2	65.1	3.0	
ST3	14,214.2	13,776.0	438.3	6,613.0	68.2	66.1	3.1	
ST4	14,195.1	13,739.5	455.6	6,730.7	67.8	65.7	3.2	
<b>2014</b>								
ST1	14,230.8	13,791.4	439.4	6,805.9	67.6	65.6	3.1	
ST2	14,296.1	13,888.5	407.6	6,793.0	67.8	65.9	2.9	
ST3	14,346.9	13,960.6	386.3	6,810.3	67.8	66.0	2.7	
ST4	14,403.3	13,998.7	404.6	6,860.9	67.7	65.8	2.8	
<b>2015</b>								
ST1	14,544.8	14,091.0	453.9	6,798.5	68.1	66.0	3.1	
ST2	14,535.6	14,087.8	447.8	6,897.9	67.8	65.7	3.1	
ST3	14,561.0	14,093.7	467.3	6,930.6	67.8	65.6	3.2	
ST4	14,600.2	14,127.9	472.3	6,952.7	67.7	65.6	3.2	
<b>2016</b>								
ST1	14,596.8	14,095.8	501.0	7,011.5	67.6	65.2	3.4	
ST2	14,665.4	14,161.5	503.9	7,026.0	67.6	65.3	3.4	
ST3	14,710.6	14,202.0	508.5	7,044.6	67.6	65.3	3.5	
ST4	14,771.4	14,260.6	510.8	7,071.7	67.6	65.3	3.5	
<b>2017</b>								
ST1	14,870.1	14,355.9	514.2	7,093.8	67.7	65.4	3.5	
ST2	14,926.4	14,414.8	511.6	7,123.3	67.7	65.4	3.4	
ST3	15,000.2	14,484.0	516.2	7,091.0	67.9	65.6	3.4	
ST4	15,088.3	14,580.5	507.8	7,085.0	68.0	65.8	3.4	
<b>2018</b>								
ST1	15,192.4	14,683.6	508.9	7,093.7	68.2	65.9	3.3	
ST2	15,278.3	14,767.2	511.1	7,073.4	68.4	66.1	3.3	
ST3	15,381.3	14,856.8	524.4	7,077.9	68.5	66.2	3.4	
ST4	15,449.9	14,933.4	516.5	7,070.7	68.6	66.3	3.3	
<b>2019</b>								
ST1	15,526.8	15,010.2	516.6	7,064.2	68.7	66.4	3.3	
ST2	15,598.8	15,078.2	520.6	7,088.1	68.8	66.5	3.3	
ST3	15,674.3	15,162.1	512.1	7,088.7	68.9	66.6	3.3	
ST4	15,766.7	15,254.5	512.2	7,066.1	69.1	66.8	3.2	
<b>2020</b>								
ST1	15,790.1	15,243.5	546.6	7,163.1	68.8	66.4	3.5	
ST2	15,675.5	14,883.7	791.8	7,350.5	68.1	64.6	5.1	
ST3	15,840.6	15,095.6	745.0	7,324.6	68.4	65.2	4.7	
ST4	15,922.3	15,161.6	760.7	7,318.4	68.5	65.2	4.8	

Jadual B: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Suku Pertama 2010 - Suku Pertama 2024

Siri Masa	('000)					(%)	
	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	Luar Tenaga Buruh	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk	Kadar Pengangguran
<b>2021</b>							
ST1	16,008.4	15,236.5	771.8	7,316.0	68.6	65.3	4.8
ST2	15,972.2	15,207.3	764.9	7,424.9	68.3	65.0	4.8
ST3	16,021.0	15,274.8	746.2	7,430.1	68.3	65.1	4.7
ST4	16,135.0	15,440.7	694.4	7,361.5	68.7	65.7	4.3
<b>2022</b>							
ST1	16,246.1	15,574.9	671.2	7,289.9	69.0	66.2	4.1
ST2	16,343.3	15,701.2	642.0	7,258.5	69.2	66.5	3.9
ST3	16,442.9	15,831.1	611.8	7,250.6	69.4	66.8	3.7
ST4	16,542.2	15,941.7	600.5	7,246.1	69.5	67.0	3.6
<b>2023</b>							
ST1	16,648.9	16,062.0	586.9	7,215.7	69.8	67.3	3.5
ST2	16,727.4	16,146.1	581.4	7,180.2	70.0	67.5	3.5
ST3	16,824.0	16,250.9	573.1	7,182.3	70.1	67.7	3.4
ST4	16,911.7	16,346.7	565.0	7,197.6	70.1	67.8	3.3
<b>2024</b>							
ST1	16,962.3	16,401.2	561.1	7,194.0	70.2	67.9	3.3

Jadual B1 : Penduduk bekerja kurang 30 jam seminggu mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017  
- Suku Pertama 2024

('000)

Siri Masa	Jumlah	Jantina		Kumpulan Umur			
		Lelaki	Perempuan	15-24 tahun	25-34 tahun	35-44 tahun	45 tahun dan lebih
<b>2017</b>							
ST1	415.5	177.3	238.2	57.4	79.7	90.8	187.6
ST2	396.8	168.8	228.0	52.8	79.0	95.1	170.0
ST3	393.0	163.2	229.7	57.3	91.1	81.4	163.1
ST4	419.3	173.1	246.2	60.2	105.4	84.3	169.4
<b>2018</b>							
ST1	462.3	172.9	289.3	61.2	119.5	98.7	182.9
ST2	497.2	207.7	289.5	75.5	132.4	101.3	188.0
ST3	442.4	172.7	269.7	56.4	96.7	98.3	191.0
ST4	370.0	140.9	229.0	39.2	80.4	78.9	171.4
<b>2019</b>							
ST1	352.6	143.7	209.0	52.2	90.9	68.9	140.7
ST2	374.3	171.5	202.8	43.6	84.1	87.8	158.8
ST3	326.6	118.9	207.6	42.5	73.6	79.7	130.8
ST4	304.0	112.3	191.8	39.1	62.9	72.8	129.3
<b>2020</b>							
ST1	667.5	320.1	347.4	91.0	189.1	146.5	240.9
ST2	789.6	444.0	345.7	134.6	229.1	182.0	244.0
ST3	403.8	151.4	252.4	116.1	118.0	72.1	97.6
ST4	533.7	345.6	188.0	165.5	189.5	71.0	107.6
<b>2021</b>							
ST1	441.9	281.3	160.5	57.0	209.4	106.3	69.2
ST2	474.1	317.8	156.3	102.2	110.1	95.9	165.9
ST3	464.6	282.9	181.6	69.0	166.4	123.7	105.4
ST4	393.8	137.6	256.2	87.0	108.4	97.5	100.9
<b>2022</b>							
ST1	336.3	112.1	224.1	39.1	103.6	77.8	115.8
ST2	324.5	154.5	170.0	76.4	94.3	63.0	90.8
ST3	287.2	132.9	154.3	35.3	99.5	68.4	84.0
ST4	268.5	115.4	153.0	46.1	88.0	56.2	78.3
<b>2023</b>							
ST1	274.2	114.2	160.0	37.4	94.4	46.5	95.8
ST2	280.4	120.2	160.2	54.0	85.3	58.6	82.5
ST3	284.8	122.0	162.8	41.5	113.2	49.6	80.4
ST4	286.1	113.6	172.5	49.1	108.7	43.3	85.1
<b>2024</b>							
ST1	283.9	123.1	160.8	32.1	89.1	68.3	94.4

Jadual B2 : Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017  
- Suku Pertama 2024

(’000)

Siri Masa	Jumlah	Jantina		Kumpulan Umur			
		Lelaki	Perempuan	15-24 tahun	25-34 tahun	35-44 tahun	45 tahun dan lebih
<b>2017</b>							
ST1	211.8	105.9	105.8	36.8	51.0	48.6	75.4
ST2	195.4	97.7	97.8	34.7	45.2	48.9	66.6
ST3	224.8	109.1	115.7	46.3	59.3	49.8	69.4
ST4	238.5	115.3	123.2	45.7	69.4	44.9	78.5
<b>2018</b>							
ST1	242.5	102.4	141.0	37.3	74.1	52.3	79.7
ST2	231.7	108.1	123.5	40.2	65.8	43.2	82.5
ST3	235.5	116.5	119.0	43.4	54.4	49.4	88.3
ST4	204.1	88.1	115.9	30.8	47.5	44.0	81.7
<b>2019</b>							
ST1	210.5	98.0	112.5	43.6	61.4	36.9	68.6
ST2	204.5	107.2	97.2	32.0	53.8	45.7	73.0
ST3	178.7	70.4	108.2	28.6	44.8	50.9	54.4
ST4	170.7	69.2	101.5	28.7	44.2	40.6	57.1
<b>2020</b>							
ST1	383.2	183.2	199.9	63.2	114.1	82.4	123.5
ST2	413.5	257.6	156.0	76.3	99.3	106.1	131.9
ST3	300.8	102.3	198.5	108.4	97.2	47.4	47.8
ST4	369.1	267.8	101.3	130.3	117.4	53.1	68.4
<b>2021</b>							
ST1	310.5	226.7	83.8	46.4	159.3	67.2	37.6
ST2	329.7	236.1	93.5	86.6	82.6	46.6	113.8
ST3	326.2	232.2	93.9	40.4	137.0	87.7	61.0
ST4	293.1	101.2	191.9	80.8	78.9	70.2	63.2
<b>2022</b>							
ST1	245.1	71.3	173.8	21.8	76.1	62.6	84.5
ST2	212.8	111.6	101.3	64.5	59.8	37.0	51.6
ST3	186.8	92.3	94.5	16.7	67.4	49.0	53.7
ST4	167.4	79.3	88.1	29.9	63.8	32.5	41.2
<b>2023</b>							
ST1	174.6	78.7	95.9	30.2	66.4	25.2	52.8
ST2	186.3	86.4	99.9	39.5	62.6	34.4	49.8
ST3	189.0	88.1	100.8	34.4	79.0	32.6	42.9
ST4	181.6	82.7	98.9	26.5	81.1	28.4	45.6
<b>2024</b>							
ST1	175.4	81.9	93.5	23.0	66.1	36.1	50.1

Jadual B3 : Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017  
- Suku Pertama 2024

('000)

Siri Masa	Jumlah	Jantina		Kumpulan Umur			
		Lelaki	Perempuan	15-24 tahun	25-34 tahun	35-44 tahun	45 tahun dan lebih
<b>2017</b>							
ST1	1,182.9	567.0	615.9	280.8	569.0	209.3	123.8
ST2	1,280.6	584.9	695.7	317.9	587.7	226.9	148.1
ST3	1,311.6	623.9	687.7	306.1	632.6	227.4	145.5
ST4	1,332.8	648.4	684.4	303.2	631.8	254.8	142.9
<b>2018</b>							
ST1	1,306.9	629.2	677.7	279.2	629.2	259.0	139.5
ST2	1,408.1	647.2	760.9	314.5	687.4	257.7	148.4
ST3	1,446.3	704.1	742.2	351.3	683.3	266.9	144.8
ST4	1,404.0	667.8	736.2	337.2	679.1	245.4	142.3
<b>2019</b>							
ST1	1,460.8	673.2	787.6	329.5	696.4	263.0	172.0
ST2	1,417.2	665.3	751.9	338.6	666.0	259.7	152.8
ST3	1,554.5	699.3	855.2	393.5	705.8	279.1	176.0
ST4	1,540.9	746.8	794.1	348.4	732.4	287.4	172.7
<b>2020</b>							
ST1	1,637.3	815.1	822.2	338.3	786.3	310.8	201.8
ST2	1,674.1	847.7	826.4	393.7	701.9	331.6	246.9
ST3	1,762.7	865.9	896.9	405.1	811.4	355.3	190.9
ST4 <sup>f</sup>	1,886.8	1,066.6	820.2	353.5	862.6	443.0	227.6
<b>2021</b>							
ST1	1,899.9	951.5	948.4	437.2	848.4	401.7	212.5
ST2	1,852.5	949.0	903.5	336.9	776.0	426.1	313.5
ST3	1,873.8	931.7	942.2	426.8	835.3	392.0	219.7
ST4	1,838.3	877.1	961.2	309.0	816.4	454.6	258.3
<b>2022</b>							
ST1	1,810.1	874.4	935.6	364.9	821.3	428.2	195.7
ST2	1,799.6	892.3	907.3	356.3	799.4	433.3	210.6
ST3	1,839.6	857.9	981.7	344.1	861.4	432.2	201.9
ST4	1,891.4	1,022.0	869.5	326.3	894.9	476.0	194.2
<b>2023</b>							
ST1	1,907.2	944.0	963.3	373.9	879.1	447.4	206.8
ST2	1,914.6	873.1	1,041.5	421.3	867.5	421.0	204.8
ST3	1,922.7	941.3	981.4	425.5	816.1	457.8	223.3
ST4	1,937.1	996.2	940.9	400.2	815.3	493.7	227.9
<b>2024</b>							
ST1	1,931.3	975.6	955.7	448.4	827.8	441.4	213.6

Nota:

r Disemak semula

Jadual C: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Januari 2010 - April 2024

('000)

(%)

Siri Masa	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	Luar Tenaga Buruh	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk	Kadar Pengangguran
<b>2010</b>							
Januari	12,367.9	11,931.2	436.7	6,927.5	64.1	61.8	3.5
Februari	12,059.8	11,632.3	427.4	7,225.1	62.5	60.3	3.5
Mac	12,324.2	11,895.9	428.3	6,993.0	63.8	61.6	3.5
April	12,512.0	12,133.5	378.5	6,894.5	64.5	62.5	3.0
Mei	12,197.6	11,798.9	398.7	7,186.0	62.9	60.9	3.3
Jun	12,331.8	11,882.2	449.6	7,065.0	63.6	61.3	3.6
Julai	12,516.2	12,099.5	416.7	6,900.5	64.5	62.3	3.3
Ogos	12,320.9	11,936.5	384.3	7,157.9	63.3	61.3	3.1
September	12,289.9	11,912.1	377.8	7,194.4	63.1	61.1	3.1
Oktober	12,689.5	12,342.6	346.8	6,846.7	65.0	63.2	2.7
November	12,277.5	11,874.1	403.4	7,298.3	62.7	60.7	3.3
Disember	12,822.3	12,418.3	404.1	6,722.3	65.6	63.5	3.2
<b>2011</b>							
Januari	12,804.2	12,376.0	428.2	6,881.6	65.0	62.9	3.3
Februari	12,618.9	12,245.3	373.6	7,110.3	64.0	62.1	3.0
Mac	12,862.2	12,491.8	370.4	6,940.1	65.0	63.1	2.9
April	12,921.7	12,537.1	384.6	6,930.6	65.1	63.2	3.0
Mei	12,726.6	12,330.3	396.3	7,133.2	64.1	62.1	3.1
Jun	12,782.7	12,372.6	410.1	7,073.7	64.4	62.3	3.2
Julai	12,967.4	12,581.5	385.9	6,920.5	65.2	63.3	3.0
Ogos	12,887.9	12,486.7	401.2	7,038.6	64.7	62.7	3.1
September	12,875.9	12,456.9	419.0	7,032.2	64.7	62.6	3.3
Oktober	12,938.2	12,550.1	388.1	7,045.7	64.7	62.8	3.0
November	12,722.4	12,323.7	398.7	7,245.7	63.7	61.7	3.1
Disember	13,092.1	12,687.2	404.9	6,997.3	65.2	63.2	3.1
<b>2012</b>							
Januari	13,191.6	12,781.3	410.4	6,878.5	65.7	63.7	3.1
Februari	13,054.5	12,645.6	408.9	7,042.3	65.0	62.9	3.1
Mac	13,295.4	12,893.8	401.6	6,897.3	65.8	63.9	3.0
April	13,331.8	12,936.9	394.8	6,851.3	66.1	64.1	3.0
Mei	13,245.6	12,861.2	384.4	6,952.9	65.6	63.7	2.9
Jun	13,232.5	12,811.4	421.0	7,013.7	65.4	63.3	3.2
Julai	13,511.7	13,093.3	418.4	6,777.3	66.6	64.5	3.1
Ogos	13,313.6	12,963.4	350.2	7,039.9	65.4	63.7	2.6
September	13,408.5	12,984.5	424.0	6,993.2	65.7	63.6	3.2
Oktober	13,341.4	12,908.9	432.6	7,056.2	65.4	63.3	3.2
November	13,429.2	13,044.6	384.6	7,094.6	65.4	63.6	2.9
Disember	13,538.6	13,114.3	424.3	7,060.6	65.7	63.7	3.1
<b>2013</b>							
Januari	13,569.6	13,109.8	459.8	7,035.5	65.9	63.6	3.4
Februari	13,598.8	13,195.9	402.9	7,119.8	65.6	63.7	3.0
Mac	13,684.4	13,241.7	442.6	7,116.7	65.8	63.7	3.2
April	13,835.7	13,422.9	412.8	6,922.7	66.7	64.7	3.0
Mei	13,815.3	13,368.9	446.4	7,005.6	66.4	64.2	3.2
Jun	14,217.1	13,816.9	400.2	6,668.6	68.1	66.2	2.8
Julai	14,194.6	13,763.0	431.6	6,655.9	68.1	66.0	3.0
Ogos	14,176.6	13,734.2	442.4	6,689.8	67.9	65.8	3.1
September	14,309.4	13,859.5	449.9	6,557.3	68.6	66.4	3.1
Oktober	14,169.2	13,699.1	470.1	6,746.3	67.7	65.5	3.3
November	14,220.9	13,730.4	490.5	6,716.2	67.9	65.6	3.4
Disember	14,276.5	13,836.2	440.3	6,724.3	68.0	65.9	3.1

Jadual C: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Januari 2010 - April 2024

('000)

(%)

Siri Masa	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	Luar Tenaga Buruh	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk	Kadar Pengangguran
<b>2014</b>							
Januari	14,244.4	13,775.9	468.5	6,734.7	67.9	65.7	3.3
Februari	14,249.9	13,788.0	462.0	6,808.7	67.7	65.5	3.2
Mac	14,198.4	13,768.3	430.1	6,956.1	67.1	65.1	3.0
April	14,206.7	13,793.2	413.5	6,849.4	67.5	65.5	2.9
Mei	14,430.2	14,023.0	407.2	6,693.2	68.3	66.4	2.8
Jun	14,373.4	13,967.0	406.4	6,826.6	67.8	65.9	2.8
Julai	14,333.4	13,935.8	397.6	6,846.2	67.7	65.8	2.8
Ogos	14,266.3	13,881.4	384.9	6,934.1	67.3	65.5	2.7
September	14,440.2	14,058.4	381.8	6,763.7	68.1	66.3	2.6
Oktober	14,403.1	14,023.3	379.9	6,926.7	67.5	65.7	2.6
November	14,404.1	14,025.4	378.7	6,887.1	67.7	65.9	2.6
Disember	14,512.0	14,060.2	451.7	6,784.8	68.1	66.0	3.1
<b>2015</b>							
Januari	14,442.0	13,991.8	450.3	6,923.7	67.6	65.5	3.1
Februari	14,554.7	14,092.9	461.8	6,847.8	68.0	65.9	3.2
Mac	14,601.2	14,160.5	440.7	6,839.3	68.1	66.1	3.0
April	14,569.5	14,136.2	433.3	6,890.2	67.9	65.9	3.0
Mei	14,575.0	14,126.7	448.3	6,933.5	67.8	65.7	3.1
Jun	14,609.9	14,146.7	463.2	6,896.2	67.9	65.8	3.1
Julai	14,579.1	14,106.2	472.9	6,937.7	67.8	65.6	3.2
Ogos	14,685.1	14,214.6	470.5	6,871.5	68.1	65.9	3.2
September	14,642.0	14,151.7	490.3	6,925.4	67.9	65.6	3.3
Oktober	14,665.9	14,184.7	481.3	6,894.8	68.0	65.8	3.3
November	14,687.2	14,215.7	471.5	6,945.0	67.9	65.7	3.2
Disember	14,690.0	14,185.7	504.3	6,945.3	67.9	65.6	3.4
<b>2016</b>							
Januari	14,652.0	14,150.5	501.5	6,984.2	67.7	65.4	3.4
Februari	14,703.3	14,196.9	506.4	7,063.1	67.6	65.2	3.4
Mac	14,710.1	14,200.7	509.5	6,964.0	67.9	65.5	3.5
April	14,675.3	14,163.7	511.5	7,012.5	67.7	65.3	3.5
Mei	14,705.0	14,200.2	504.8	7,021.1	67.7	65.4	3.4
Jun	14,720.1	14,218.4	501.8	7,036.5	67.7	65.4	3.4
Julai	14,729.0	14,212.8	516.2	7,008.4	67.8	65.4	3.5
Ogos	14,822.2	14,306.9	515.2	7,053.3	67.8	65.4	3.5
September	14,762.2	14,249.6	512.6	7,084.3	67.6	65.2	3.5
Oktober	14,765.1	14,253.4	511.7	7,071.1	67.6	65.3	3.5
November	14,827.9	14,317.2	510.7	7,081.8	67.7	65.3	3.4
Disember	14,788.9	14,276.7	512.2	7,072.8	67.6	65.3	3.5
<b>2017</b>							
Januari	14,880.9	14,366.8	514.1	7,090.4	67.7	65.4	3.5
Februari	14,916.7	14,401.8	514.8	7,086.9	67.8	65.5	3.5
Mac	14,932.5	14,421.7	510.8	7,121.8	67.7	65.4	3.4
April	14,941.5	14,429.6	511.9	7,122.5	67.7	65.4	3.4
Mei	14,961.9	14,454.4	507.5	7,120.8	67.8	65.5	3.4
Jun	15,027.6	14,519.9	507.7	7,141.1	67.8	65.5	3.4
Julai	15,016.4	14,497.4	519.0	7,150.4	67.7	65.4	3.5
Ogos	15,030.2	14,513.4	516.9	7,138.4	67.8	65.5	3.4
September	15,058.8	14,544.3	514.5	7,122.1	67.9	65.6	3.4
Oktober	15,090.4	14,581.7	508.8	7,117.7	68.0	65.7	3.4
November	15,084.0	14,578.9	505.1	7,121.4	67.9	65.7	3.3
Disember	15,145.9	14,640.1	505.8	7,084.1	68.1	65.9	3.3

Jadual C: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Januari 2010 - April 2024

('000)

(%)

